

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HHT 302 Seni Lukis Moden Malaysia

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA [5] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab TIGA (3) soalan, SOALAN NO. 1 dan 2 daripada Bahagian A WAJIB dijawab dan SATU (1) soalan daripada Bahagian B.

Tuliskan jawapan anda dengan jelas, tepat dan ringkas.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - KEDUA-DUA soalan WAJIB dijawab

Lihat slaid yang ditayangkan dan jawab soalan berkenaan. Tiap-tiap soalan akan ditayangkan selama 15 minit sahaja.

1. (Lihat slaid yang pertama)

Lukisan lanskap yang menunjukkan pemandangan alam dan kehidupan di luar bandar begitu popular di kalangan pelukis-pelukis moden Malaysia sejak tahun-tahun 30an hinggalah sekarang. Bincangkan dengan mempertimbangkan kenapa pada pendapat anda, subjek pemandangan begini diminati oleh pelukis dan pemerhati dan sejauhmana apa yang dilukis itu membantu pemerhati memahami keadaan sebenar kehidupan masyarakat luar bandar di negara Malaysia.

2. (Lihat slaid yang kedua)

Pada keseluruhannya seni lukis moden Malaysia boleh dikatakan memperlihatkan minat terhadap pernyataan di dalam bentuk-bentuk abstrak. Pada pendapat anda, sejauh manakah minat ini selaras dengan kesedaran dan kefahaman tentang teori catan moden Clement Greenberg yang telah mempengaruhi pemahaman Ekspresionisme Abstrak seni lukis moden. Sejauh manakah lukisan ini, umpamanya, memperlihatkan kesedaran dan kefahaman terhadap "mendatarkan seni lukis untuk memperlihatkan ketulenannya?" Pertimbangkan juga sejauhmana seni lukis abstrak Malaysia hanya boleh difahami dari sudut teori modernisme Greenberg.

.../2

BAHAGIAN B (Pilih SATU soalan)

3. Bincangkan hubungan kemunculan dan perkembangan seni lukis moden Malaysia dengan kolonialisme dan kemunculan negara Malaysia moden.
4. Pada pendapat anda, sejauh manakah seni lukis moden Malaysia melibatkan pencarian identiti kebudayaan? Bincangkan.
5. "Seni Lukis moden Malaysia lebih bermakna daripada kesenian tradisional tempatan." Bincangkan.

-oooOOoooo-